

BAB 4

ANALISA KAJIAN

4.1 AM

Bab ini adalah untuk menghuraikan secara terperinci keputusan kajian berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang diperolehi hasil dari analisa data menggunakan program SPSS (Statiscal Package for School Science). Bagi data demografik yang melibatkan kesemua responden dan analisa data dilakukan dengan menggunakan analisa frekuensi dan “cross tabulation” di antara data demografik, pembolehubah bebas (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV). Proses analisa ini melibatkan 6 jenis analisa mengikut peringkat seperti berikut :

4.1.1 Peringkat 1: Analisa Kepercayaan (Reliability Analysis) keatas keseluruhan data responden (560 data) yang terlibat dalam kaji selidik.

4.1.2 Peringkat 2: Analisa Kenormalan (Normality Analysis) keatas keseluruhan data responden (560 data) yang terlibat dalam kaji selidik.

4.1.3 Peringkat 3: Analisa Deskriptif (Descriptive Analysis) keatas data demografik keseluruhan responden yang terlibat dalam kaji selidik (560 responden).

4.1.4 Peringkat 4: Analisa Univariate (Univariate Analysis)

4.1.5 **Peringkat 5:** Analisa Perbandingan Purata Berganda (Multiple Mean Comparisons Analysis)

4.1.6 **Peringkat 6:** Analisa Pelbagai Variate (Multivariate Analysis)

4.2 **Keputusan Analisa Data Responden.** Berikut adalah keseluruhan keputusan hasil analisa yang telah dilaksanakan keatas keseluruhan data responden yang diperolehi yang dilaksanakan mengikut peringkat keutamaannya.

4.2.1 **Analisa Kepercayaan (Reliability Analysis)** Analisa ini terlebih dahulu diadakan bagi memastikan setiap soalan kaji selidik yang digunakan boleh dipercayai dan difahami oleh responden untuk menjawabnya. Ianya dilakukan melalui Ujian Kepercayaan (Reliability Test) yang dilakukan keatas keseluruhan data responden yang diperolehi dan hasil ujian kepercayaan tersebut adalah sebagaimana di Jadual 1.

Jadual 1 : Statistik Kepercayaan (Reliability Statistics)


Cronbach's Alpha	Bil soalan (N of Items)
.937	131

Berdasarkan kepada keputusan seperti Jadual 1 diatas, nilai Cronbach's Alpha ialah 0.937 yang menghampiri 1. Semakin nilai Cronbach Alpha menghampiri 1 adalah

terbaik. Disini dapatlah disimpulkan bahawa soalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah boleh dipercayai (reliable) dan ianya boleh difahami oleh pihak responden. Bilangan item menunjukkan bahawa borang kajiselidik ini mempunyai sebanyak 131 + 1 soalan iaitu 132 soalan kesemuanya.

4.2.2 Analisa Kenormalan (Normality Analysis). Analisa ini dilaksanakan bagi menentukan bahawa keseluruhan data responden yang diperolehi adalah “well-modelled”, iaitu bertabur secara taburan normal atau tidak. Bagi mendapatkan keputusan untuk analisa ini, Ujian Kenormalan (Normality Test) dilakukan keatas keseluruhan data responden yang ada. Memandangkan soalan kajiselidik ini mempunyai lebih daripada 100 soalan (132 soalan semuanya), pendekatan secara tidak normal melalui Ujian Kenormalan (Normality Test) akan digunakan, seperti kaedah grafik. Hasil daripada Ujian Kenormalan yang dilakukan, Graf histogram di plot bagi menunjukkan taburan data yang mewakili 560 jawapan responden yang diperolehi sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2 : Graf Histogram Linkert-Scale Bagi Data Bersandar (Dependent Data) dan Data Bebas (Independent Data)



Berdasarkan kepada graf histogram yang diplot seperti dibawah, kesimpulan yang boleh dilakukan adalah data responden yang diperolehi adalah normal. Ini dibukti melalui garis taburan data yang membentuk loceng (Lihat Jadual 2). Nilai purata (mean value) yang diperolehi bagi keseluruhan data responden adalah 5.6, ini menunjukkan kebanyakan data responden memberikan jawapan bersetuju terhadap semua kenyataan yang dinyatakan di dalam soalan kajiselidik. Ini juga menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan semua item di dalam soalan kaji selidik. Skala 5.6 berada di antara 5 (Sedikit Setuju) dengan 6 (Bersetuju). Nilai sisihan piawai (Standard Deviation) bagi keseluruhan data responden adalah 0.635.

Jadual 3 : Keputusan Ujian Kenormalan Keatas 560 Data Responden

Constructs	N	Mean	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis	Min	Max
Gaji dan Elaun	560	5.7668	0.66451	0.038	-0.468	4.2	7
Kenaikan Pangkat	560	5.8484	1.07781	-1.22	1.685	2	7
Pengawasan/ Penyeliaan	560	5.7072	1.05594	-0.922	0.933	2.24	7
Faedah	560	5.6435	1.02418	-0.121	-1.024	3.5	7
Ganjaran	560	5.6181	0.97829	-0.651	0.397	3	7
Prosedur Operasi	560	5.6829	1.37918	-1.255	1.429	1	7
Rakan Sekerja	560	5.6864	1.37832	-1.256	1.423	1	7
Kerja	560	5.6286	1.21023	-1.299	2.511	1	7
Komunikasi	560	5.0914	1.23593	-1.163	1.273	1	6.3
Peralatan dan Fasiliti Wokshop	560	4.5714	1.19116	-0.706	1.051	1	7
Persekitaran	560	5.7143	1.186	-1.189	1.323	2	7
Kepuasan Bekerja	560	5.6429	1.32174	-1.225	1.453	1	7
Total	560	5.55	1.14	-0.91	1.00	1.91	6.94

Disamping merujuk kepada graf histogram yang di plot, analisis kenormalan boleh juga dilakukan dengan merujuk kepada nilai “Skewness” dan “Kurtosis” hasil daripada Ujian Kenormalan keatas 560 data responden sepertimana di Jadual 3. Pengagihan skor pengukuran boleh dipertimbang sebagai normal jika nilai “Skewness” menghampiri 0. Rujuk pada Jadual 3, nilai “Skewness” adalah diantara -0.03 dan 1.299. Walaupun nilai tertinggi “Skewness” adalah lebih dari 1 tapi pertimbangan sebagai normal boleh dilakukan dimana 1.299 masih mendekati kosong (Zero). Memandangkan semua data adalah normal, maka barulah ujian parametric boleh diteruskan.

4.2.3 Analisa Deskriptif (Descriptive Analysis). Analisa Deskriptif adalah analisa yang dilakukan keatas maklumat berkaitan dengan lokasi data diambil dan ringkasan keseluruhan data demografik responden yang terlibat (560 data responden).

Jadual 4 : Lokasi Data Dikumpul, Umur dan Tahun Khidmat Responden

Negeri	Jumlah	Umur (tahun)			Tahun Perkhidmatan (tahun)		
		< 30thn	31 – 40 thn	> 40thn	< 10 thn	11– 18 thn	>19 thn
Kedah	70 12.50%	38 10.60%	30 15.90%	2 15.40%	50 14.80%	18 9.50%	2 6.10%
Perak	70 12.50%	43 12.00%	25 13.20%	2 15.40%	34 10.10%	33 17.40%	3 9.10%
Kuala Lumpur	70 12.50%	46 12.80%	24 12.70%	-	37 11.00%	30 15.80%	3 9.10%
Negeri Sembilan	70 12.50%	47 13.10%	20 10.60%	3 23.10%	50 14.80%	16 8.40%	4 12.10%
Johor	70 12.50%	49 13.70%	19 10.10%	2 15.40%	46 13.60%	17 8.90%	7 21.20%
Kelantan	70 12.50%	43 12.00%	24 12.70%	3 23.10%	41 12.20%	23 12.10%	6 18.20%
Pahang	70 12.50%	46 12.80%	23 12.20%	1 7.70%	42 12.50%	22 11.60%	6 18.20%
Sarawak	70 12.50%	46 12.80%	24 12.70%	-	37 11.00%	31 16.30%	2 6.10%
Total	560 100%	358 63.93%	189 33.75%	13 2.32%	337 60.18%	190 33.93%	33 5.89%

- **Lokasi dan Jumlah Responden.** Berdasarkan Jadual 4, Sebanyak 560 data responden telah dikumpul dari 8 Woksyop Briged di Seluruh Malaysia di mana setiap woksyop sebanyak 70 data responden dikumpul seperti berikut :
 - 6 Woksyop Briged, Sg Petani, Kedah – 70
 - 2 Woksyop Briged, Ipoh, Perak – 70
 - 12 Woksyop Briged, Sg Buluh, Kuala Lumpur – 70

- 1 Woksyop Briged, Port Dickson, N. Sembilan – 70
- 7 Woksyop Briged, Johor Bahru, Johor – 70
- 8 Woksyop Briged, Kota Bahru, Kelantan – 70
- 4 Woksyop Briged, Kuantan, Pahang – 70
- 9 Woksyop Briged, Kuching, Serawak – 70

Data responden hanya diambil di Woksyop-woksyop Briged diseluruhan Malaysia (Semenanjung dan Serawak) dan pada jumlah yang sama iaitu 70 responden disetiap lokasi. Ini bagi membolehkan perbandingan antara satu sama lain dapat dilakukan mengikut peringkat dan status serta kekuatan data yang sama.

▪ **Umur.** Daripada 560 responden, kumpulan responden yang berumur bawah 30 tahun adalah merupakan kumpulan majoriti dalam keseluruhan responden dimana ia mewakili 63.93% dan diikuti oleh anggota yang berumur antara 31 hingga 40 tahun yang mewakili 33.75% dan yang terakhir adalah kumpulan anggota yang berumur melebihi 40 tahun yang mewakili 2.32%. Agihan peratus anggota mengikut umur dilihat seimbang kerana kumpulan anggota dibawah umur 30 tahun merupakan kumpulan majoriti anggota mekanik di Woksyop-woksyop Briged TDM dimana kumpulan yang berumur antara 31 hingga 40 tahun adalah kumpulan anggota dari PTT yang merupakan pembantu kepada PTT Kanan yang merupakan penyelia atau pengurus dan kumpulan anggota yang berumur melebihi 40 tahun merupakan

kumpulan minoriti kerana mereka biasanya dari Kumpulan PTT Kanan di woksyop yang bertugas sebagai penyelia atau pengurus di woksyop-woksyop. Maka agihan peratus mengikut umur responden adalah mematuhi kumpulan anggota dalam hieraki organisasi Woksyop Briged, KJLJD, TDM. Oleh yang demikian keseluruhan data responden yang ada boleh diterima bagi mewakili keseluruhan anggota-anggota dari pelbagai peringkat serta pangkat di woksyop-woksyop.

- **Tempoh Perkhidmatan.** Agihannya peratusnya juga adalah sama sebagaimana faktor umur anggota. Ini adalah kerana, mengikut kebiasaan umur adalah mewakili tempoh perkhidmatan seseorang anggota mekanik di woksyop-woksyop. Mengikut agihan berdasarkan factor tempoh perkhidmatan, kumpulan anggota yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang bawah 10 tahun adalah kumpulan majoriti dimana mereka mewakili sebanyak 60.18% dari keseluruhan responden diikuti oleh kumpulan anggota yang mempunyai tempoh perkhidmatan diantara 11 – 18 tahun yang mewakili 33.93% dan yang terakhir adalah kumpulan anggota yang mempunyai tempoh perkhidmatan melebihi 19 tahun yang mewakili 5.89% iaitu kumpulan minoriti. Pecahan peratus bagi kumpulan anggota mekanik mengikut tempoh perkhidmatan adalah seimbang sebagaimana mengikut hieraki organisasi woksyop briged dan ianya boleh diterima bagi mewakili semua anggota di Woksyop-woksyop Briged, KJLJD, TDM.

Jadual 5 : Tahap Akademik, Jawatan dan Pangkat Responden

Negeri	Tahap Akademik		Jawatan		Pangkat			
	SPM/MCE dan ke bawah	STP/HSC/ Diploma	Mekanik	Penyelia	Kfn/Pbt	LKpl/Kpl	Sjn/SSjn	PW2/PW1
Kedah	62 12.90%	8 10.00%	70 14.70%	-	24 11.70%	19 11.20%	25 16.10%	2 6.70%
Perak	58 12.10%	12 15.00%	51 10.70%	19 22.90%	26 12.70%	18 10.60%	21 13.50%	5 16.70%
Kuala Lumpur	62 12.90%	8 10.00%	59 12.40%	11 13.30%	22 10.70%	24 14.10%	21 13.50%	3 10.00%
Negeri Sembilan	51 10.60%	19 23.80%	63 13.20%	7 8.40%	27 13.20%	24 14.10%	13 8.40%	6 20.00%
Johor	59 12.30%	11 13.80%	54 11.30%	16 19.30%	25 12.20%	25 14.70%	13 8.40%	7 23.30%
Kelantan	60 12.50%	10 12.50%	60 12.60%	10 12.00%	36 17.60%	10 5.90%	23 14.80%	1 3.30%
Pahang	61 12.70%	9 11.20%	63 13.20%	7 8.40%	30 14.60%	21 12.40%	16 10.30%	3 10.00%
Sarawak	67 14.00%	3 3.80%	57 11.90%	13 15.70%	15 7.30%	29 17.10%	23 14.80%	3 10.00%
Total	480 85.71%	80 14.28%	477 85.18%	83 14.82%	205 36.60%	170 30.36%	155 27.68%	30 5.36%

- Tahap Akademik.** Dari aspek tahap akademik, kumpulan anggota yang mempunyai kelulusan akademik SPM kebawah adalah kumpulan majoriti yang mewakili 85.71% dan kumpulan anggota yang mempunyai kelulusan akademik STP/HSE keatas adalah sebanyak 14.28%. Dalam aspek pengambilan, TDM masih lagi mengambil anggota yang mempunyai kelulusan akademik SPM dan SRP. Bagi kelompok yang mempunyai kelulusan akademik

STP/HSE keatas adalah kumpulan minoriti ataupun dari kumpulan yang terlibat dalam program diploma otomotif yang diperkenalkan oleh KJLJD keatas anggota-anggota yang telah tamat dengan cemerlang dalam kursus asas mekanik ataupun anggota yang mempunyai keputusan SPM yang cemerlang dari pengambilan anggota Perantis Putera TDM.

- **Jawatan.** Pecahan mengikut jawatan dalam keseluruhan data responden menunjukkan bahawa jawatan Mekanik adalah kumpulan majority iaitu mewakili 85.18% dan kumpulan dari jawatan Penyelia adalah kumpulan minoriti iaitu mewakili 14.82%. Agihan pecahan tersebut adalah menepati seperti hieraki organisasi sesebuah Woksyop Briged dimana kumpulan mekanik adalah majoriti jika dibandingkan dengan kumpulan jawatan penyelia.

- **Pangkat.** Dari aspek pangkat pecahan mengikut pangkat adalah seperti berikut: Kpl/LKpl/Kfn - 66.96%, SSjn&Sjn - 27.68% dan PW11&PW1 - 5.36%. Agihan pecahan mengikut peratus keatas pangkat adalah seimbang bagi mewakili semua anggota woksyop briged dimana kumpulan pangkat Kpl/LKpl/Kfn adalah merupakan kumpulan majoriti dimana biasanya adalah mekanik-mekanik bawahan dan kumpulan pangkat PW1/PW2 adalah kumpulan minoriti iaitu dari jawatan penyelia-penyelia.

Jadual 6: Keputusan Ujian Univariate (Univariate Test)

Constructs	N	Mean	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis	Min	Max
Gaji dan Elaun	560	5.7668	0.66451	0.038	-0.468	4.2	7
Kenaikan Pangkat	560	5.8484	1.07781	-1.22	1.685	2	7
Pengawasan/ Penyeliaan	560	5.7072	1.05594	-0.922	0.933	2.24	7
Faedah	560	5.6435	1.02418	-0.121	-1.024	3.5	7
Ganjaran	560	5.6181	0.97829	-0.651	0.397	3	7
Prosedur Operasi	560	5.6829	1.37918	-1.255	1.429	1	7
Rakan Sekerja	560	5.6864	1.37832	-1.256	1.423	1	7
Kerja	560	5.6286	1.21023	-1.299	2.511	1	7
Komunikasi	560	5.0914	1.23593	-1.163	1.273	1	6.3
Peralatan dan Fasiliti Wokshop	560	4.5714	1.19116	-0.706	1.051	1	7
Persekitaran	560	5.7143	1.186	-1.189	1.323	2	7
Kepuasan Bekerja	560	5.6429	1.32174	-1.225	1.453	1	7

4.2.4 **Analisa Univariate (Univariate Analysis).** Analisa ini dilakukan dibuat berdasarkan keputusan Ujian Univariate (Univariate Test) bagi mengetahui nilai purata (mean), sisihan piawai (standard deviation), “skewness”, kurtosis, nilai minimum dan nilai maksimum bagi pembolehubah bersandar (DV - dependent variables) dan pembolehubah bebas (IV – Independent Variables). Pembolehubah bersandar (DV) dalam kajiselidik ini adalah “Kepuasan Bekerja” dan pembolehubah tak bersandar (IV) pula adalah ***gaji dan elaun, kenaikan pangkat, pengawasan/ penyeliaan, faedah, ganjaran, prosedur operasi, rakan sekerja, kerja, komunikasi, peralatan dan wokshop, dan persekitaran.***

Rujuk kepada hasil keputusan Ujian Univariate yang telah dilaksanakan sebagaimana Jadual 6, Kesemua data adalah normal (pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar). Ini dapat dibuktikan melalui nilai skewness yang diperolehi keatas kesemua pembolehubah tersebut adalah mendekati nilai 0 (kosong). Jika dilihat pada jadual diatas, nilai purata tertinggi adalah 5.8484 (kenaikan pangkat) menunjukkan responden bersetuju dengan keseluruhan kenyataan dibawah soalan yang berkaitan dengan “Kenaikan Pangkat” dimana nilai purata (mean) terendah adalah 4.5714 bagi pembolehubah tak bersandar (IV) peralatan dan fasiliti woksyop. Ini berkemungkinan majoriti responden tidak berpuashati dengan tahap peralatan dan fasiliti woksyop yang sedia ada di woksyop-woksyop untuk digunakan oleh mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan (pemeriksaan dan pembaikan).

Kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan di woksyop bukan hanya bergantung kepada kepakaran mekanik malah ianya juga bergantung kepada peralatan dan fasiliti woksyop yang ada. Khasnya dalam situasi sekarang, dimana penggunaan peralatan yang berteknologi tinggi digunakan bagi melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan dalam tempoh yang singkat dengan tahap kualiti pemeriksaan dan pembaikan yang tinggi serta mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pembekal kenderaan dan peralatan. Kekurangan dalam aspek peralatan dan fasiliti woksyop secara langsung menjejaskan mutu pemeriksaan dan pembaikan yang dilaksanakan.

Walaupun mekanik telah diberi pengetahuan terhadap cara-cara penggunaan peralatan berteknologi tinggi semasa berkursus, ini tidak menjamin mutu pemeriksaan dan pembaikan jika woksyop tidak dilengkapi dengan peralatan dan fasiliti woksyop yang diperlukan. Selain menjejaskan mutu pemeriksaan dan pembaikan, ketiadaan alatan dan fasiliti woksyop juga akan melewatkan kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan dan ini akan mempertingkatkan kos pembaikan. Keadaan akan lebih parah bila berlaku kerosakan baru yang berpunca akibat kelewatan dalam pemeriksaan dan pembaikan.

Nilai purata (mean) bagi komunikasi adalah 5.0914, nilai ini adalah antara nilai purata yang terendah daripada semua pembolehubah tak bersandar (IV). Sebagai sebuah organisasi tentera, komunikasi adalah aspek terpenting yang perlu diberi penekanan oleh semua pemerintah woksyop. Ianya patut berada pada nilai purata yang tertinggi dari semua pembolehubah tak bersandar kerana komunikasi amatlah penting dalam organisasi tentera bagi memastikan setiap peringkat dalam organisasi tentera dapat

melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan baik dalam keadaan senang ataupun sukar khususnya ketika peperangan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pemerintah woksyp dalam memastikan tahap komunikasi di kalangan semua peringkat di woksyp berada pada tahap yang tertinggi.

Begitu juga dengan pembolehubah tak bersandar pengawasan dan penyeliaan. Setiap ketua dalam organisasi tentera sepatutnya mempunyai skil yang tinggi dalam mengawasi dan menyelia anggota bawahan. Ini adalah bagi menentukan mereka dapat mengawas dan menyelia anggota mereka tanpa sebarang masalah. Skil ini amat penting diamalkan ketika aman bagi memastikan mereka dapat mengawas dan menyelia anggota mereka dengan baik ketika keadaan peperangan. Oleh yang demikian setiap penyelia/pengurus perlulah mempertingkatkan mutu pengawasan dan penyeliaan anggota bawahan mereka.

Nilai minimum untuk gaji dan elaun adalah 4.2 dan nilai maksimum adalah 7. Ini menunjukkan bahawa responden berpuashati dengan skim gaji dan elaun yang diterima oleh mereka. Tetapi bagi pembolehubah tak bersandar *Prosedur Operasi, Rakan Sekerja, Kerja, Komunikasi, Peralatan dan Wokshop*, dan *Kepuasan bekerja*, nilai minimum adalah 1 dimana ianya menunjukkan terdapat sebahagian responden begitu tidak bersetuju dengan kenyataan yang berkaitan dengan *Prosedur Operasi, Rakan Sekerja, Kerja, Komunikasi, Peralatan dan Wokshop*, dan *Kepuasan bekerja*. Begitu juga dengan pembolehubah tak bersandar *Kenaikan Pangkat and Persekitaran* yang

menunjukkan nilai 2, dimana ada diantara responden yang kurang bersetuju dengan kenyataan yang merujuk kepada pembolehubah tersebut.

4.2.5 Analisa Perbandingan Purata Berganda (Multiple Mean Comparisons Analysis). Analisis ini menggunakan Analisis Varians (ANOVA) Satu Hala yang merupakan ujian statistik yang digunakan untuk membandingkan min bagi 3 atau lebih kumpulan sampel tak bersandar untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam min populasi dari mana sampel telah dipilih.

Jadual 7: Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	682.695	82	8.326	13.513	.000
Within Groups	293.876	477	.616		
Total	976.571	559			

Berdasarkan keputusan Ujian Anova Satu Hala yang telah dijalankan sepertimana di Jadual 6, Nilai alpha (α) atau nilai signifikan untuk kajian ini adalah 0.05. Oleh kerana p-Value = 0.000 iaitu kurang dari nilai nilai signifikan iaitu 0.05, ini bermaksud sekurang-kurangnya satu faktor adalah lebih signifikan daripada pembolehubah yang lain. Terdapat pelbagai jenis analisis yang boleh dilakukan untuk mengenalpasti item atau

pembolehubah tak bersandar sepertimana “least square different (LSD) procedures, perbezaan Tukey’s homogeneous square (Tukey’s HSD) dan ujian regresi. Bagi mengenalpasti samada nilai purata mempunyai signifikan skor statistik yang berbeza dari kosong (zero), perbandingan purata berganda (multiple mean comparison) menggunakan prosedur “least square different” (LSD) dan Tukey’s homogeneous square difference (Tukey’s HSD) boleh digunakan. Dalam kajian ini, analisa regresi telah digunakan untuk mengenalpasti samada terdapat hubungkait diantara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tak bersandar.

4.2.6 Analisa Regresi Berganda. Merupakan satu set prosedur statistic yang digunakan untuk meramal dan menerangkan nilai bagi pembolehubah bersandar berdasarkan nilai bagi satu atau lebih pembolehubah tak bersandar. Ianya adalah model regresi yang dilaksanakan berdasarkan satu pembolehubah bersandar dengan dua atau lebih pembolehubah tak bersandar yang dijangka mempunyai hubungan secara linear. Pembolehubah bersandar diukur dalam skala selanjar manakala pembolehubah tak bersandar boleh diukur dalam skala selanjar atau diskrit.

Berdasarkan Jadual 8, ianya memberikan gambaran dalam analisa regresi antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tak bersandar. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Nilai signifikan untuk kajian ini adalah dibawah nilai 0.05. Merujuk kepada kolum terakhir, Sig. Juga dikenali sebagai p-Value. Adalah perlu diketahui samada terdapat hubungkait antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dengan membanding nilai P (P-Value) dan nilai signifikan. Jika p-

Value kurang daripada 0.05, maka terdapat hubungkait diantara pembolehubah tak bersandar (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV – Kepuasan Bekerja).

Jadual 8: Keputusan Ujian Regressi Berganda

Construct	Unstandardized Coefficients		Std Coefficients	t	Sig
	B	B Std	Beta	B	Std Error
(Constant)	10.25	0.85		12.06	0.00
Gaji dan Elaun	0.15	0.08	0.07	1.79	0.07
Kenaikan Pangkat	-0.32	0.08	-0.26	-4.27	0.00
Pengawasan/ Penyeliaan	-0.22	0.06	-0.17	-3.45	0.00
Faedah	-0.10	0.06	-0.08	-1.85	0.07
Ganjaran	-0.29	0.06	-0.21	-4.69	0.00
Prosedur Operasi	0.03	0.04	0.03	0.65	0.52
Rakan Sekerja	0.11	0.04	0.11	2.56	0.01
Kerja	-0.08	0.05	-0.07	-1.56	0.12
Komunikasi	0.01	0.05	0.01	0.21	0.84
Peralatan dan Fasiliti	0.03	0.06	0.03	0.49	0.62
Persekitaran	-0.11	0.05	-0.10	-2.09	0.14
Jumlah	0.86	0.13	-0.06	-0.01	0.21

Memandangkan p-Value untuk *gaji dan elaun*, *faedah*, *prosedur operasi*, *kerja*, *komunikasi*, *peralatan dan wokshop* dan *persekitaran* melebihi daripada 0.05, maka dapat disimpulkan disini iaitu tiada hubungkait antara pembolehubah tak bersandar tersebut dengan pembolehubah bersandar (Kepuasan Bekerja). Contoh, jika berlaku sesuatu keatas *gaji dan elaun*, ianya tidak mempengaruhi atau memberi kesan keatas tahap kepuasan bekerja dikalangan responden. Tetapi, jika berlaku perubahan dalam

Kenaikan pangkat, pengawasan/ penyeliaan, ganjaran dan rakan sekerja, tahap kepuasan bekerja dikalangan responden akan berubah seperti peningkatan atau penurunan. Ini disebabkan nilai p-Value untuk item tersebut dibawah dari nilai 0.05. Hubungkait ini dapat ditunjukkan sepertimana di Jadual 9.

Pada keseluruhan kajian yang telah dijalankan menunjukkan tiada hubungkait yang signifikan kerana nilai keseluruhan p-value bagi keseluruhan pembolehubah tak bersandar adalah 0.21 iaitu melebihi 0.05. Walaubagaimanapun tumpuan kajian ini adalah kepada p-value bagi setiap pembolehubah tak bersandar. Dimana keputusan yang diperolehi adalah sepertimana yang telah dinyatakan diatas.

Jadual 9: Spearman Correlation Coefficients between Measurements

	KP	PP	G	RS	KB
KP	1	.484	.392	.208	-.504
PP		1	.626	.126	-.563
G			1	.206	-.449
RS				1	-0.041
KB					1

KP: *Kenaikan Pangkat* **PP:** *Pengawasan/ Penyeliaan*

G: *Ganjaran* **RS:** *Rakan Sekerja*

KB: *Kepuasan Bekerja*